

# UUM tubuh UNIFILM kembang khidmat audio visual

BH 17/6/2016

Oleh Samsudin Oli Mohamed  
[bhvarsiti@bharian.com.my](mailto:bhvarsiti@bharian.com.my)

**G**ABUNGAN kepakaran tenaga akademik dan mahasiswa Universiti Utara Malaysia (UUM) bersama penggiat industri perfilman tanah air dapat menzahir-

kan penubuhan produksi perfilman milik universiti berkenaan dikenali UNIFILM (*Uniutama Film Centre*).

Pusat yang menempatkan kemudahan studio dan kelengkapan teknikal bernilai kira-kira RM1 juta itu diwujudkan sebagai usaha UUM

mengorak langkah mengembangkan perkhidmatan audio visual dan produksi.

Kemudahan itu pastinya dapat dimanfaatkan semua pihak antaranya jabatan, kolej dan agensi sama ada swasta, kerajaan, penyelidik, akademik mahupun individu.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UUM, Prof Dr Dahlia Ismail, berkata penstrukturkan Unit Penyiaran UUM sejak 1984 kini beralih arah selepas proses penjenamaan sebagai UNIFILM.

Katanya, penubuhan

UNIFILM adalah cetusan idea bekas Naib Canselor UUM, Tan Sri Dr Nordin Kardi yang bertujuan menjana pendapatan universiti melalui perkhidmatan audio visual dan produksi.

"Untuk menjadikan UNIFILM cemerlang, sokongan pelbagai pihak diperlukan. Oleh itu, kita bekerjasama dengan Persatuan Pengarah Filem dan Persatuan Pekerja Filem Malaysia.

"Usaha sama termasuk mempelbagaikan aktiviti pembangunan, penyelidikan dan pengkomersialan dalam pembangunan idea kreatif dalam Industri Perfileman Tanah Air.

"Selain itu, hubungan rapat dengan FINAS penting dalam usaha menerbitkan lebih banyak kajian untuk mempertingkatkan pemasaran, pengurusan dan perkembangan industri filem tanah air," katanya.

Sementara itu, Nassarudin Abdul Rasif @ Ramli bertindak sebagai penulis skrip dan individu yang bertanggungjawab memperkembangkan idea kreatif, promosi dan bakat di UNIFILM.

**Pusat yang menempatkan kemudahan studio dan kelengkapan teknikal bernilai kira-kira RM1 juta itu diwujudkan sebagai usaha UUM mengorak langkah mengembangkan perkhidmatan audio visual dan produksi.**

Beliau sudah membiasakan diri dengan melaksanakan beberapa tugas yang diperlukan tanpa sebarang masalah kerana semuanya dilakukan secara berkumpulan.

"Saya berbangga bertugas di sini kerana semua pihak sentiasa membantu dan memberi pandangan agar semua tugas yang diberi tercapai matlamatnya," katanya.



SEBAHAGIAN tenaga produksi yang bertanggungjawab dalam kerja teknikal UNIFILM.